

## Tips Memperbaiki Rumahtangga

**“Dan diantara tanda-tanda kebesaran Allah ialah Dia menciptakan dari diri kamu berpasang-pasangan supaya kamu merasa tenang bersamanya; dan Dia jadikan sesama kamu perasaan kasih sayang dan rahmat; sesungguhnya yang demikian itu menjadi tanda-tanda bagi orang yang berfikir” ( Ar-Ruum : 21 )**

---

10 tips mengislahkan rumahtangga :

1) **Kasih sayang sesama ahli keluarga.** Maksud hadith Nabi saw : *“Apabila Allah menghendaki sesebuah keluarga itu mendapat kebaikan, ia akan memasukkan ke dalam rumah itu kasih sayang”.*

2) **Berlemah lembut dan bergurau senda sesama keluarga.** Nabi saw berkata kepada Jabir r.a; maksudnya : *“Kenapa engkau tidak memilih anak dara; supaya engkau bergurau dengannya dan dia bergurau denganmu”*

3) **Membetulkan akhlak yang tidak elok di kalangan ahli keluarga.** Maksud hadith dari Aisyah r.a : *“Apabila berlaku pendustaan di kalangan ahli keluarga Nabi saw, maka baginda tidak akan berhenti dari menghalangnya sehinggalah ia bertaubat”*

4) **Bertegas dalam menentukan waktu tidur dan waktu menunaikan kewajiban yang lain.** Jangan jadikan rumah seperti hotel di mana penginapnya tidak memperdulikan orang lain. Anak-anak makan dan tidur mengikut kehendak hati sehingga terjadinya persiaan waktu dan berjaga malam.

5) **Tidak membenarkan orang-orang yang tidak berpegang dengan agamanya dan berperangai jahat memasuki rumah.** Nabi pernah bersabda dalam khutbahnya pada hari haji akbar : *“Adapun hak kamu ke atas isteri kamu ialah tidak mengizinkan orang yang kamu benci dari memasuki rumah kamu.”*

6) **Teliti dalam memilih rumah.** Ini memberi kesan terhadap ahli keluarga seperti berhampiran dengan masjid atau surau, melihat jiran yang baik, tiada ajaran yang songsang di kawasan itu dan sebagainya.

7) **Melarang rakan-rakan yang bukan mahram memasuki ke dalam rumah ketika ketiadaan suami.** Ini kerana boleh membawa fitnah, khalwat dan godaan syaitan. Maksud sabda Nabi saw : *“Tidak duduk lelaki dan perempuan berdua-duaan kecuali orang ketiganya adalah syaitan”.*

8) **Melarang ahli keluarga dari merokok apatah lagi unsur-unsur lain seperti dadah dan sebagainya.** Maksud ayat Al-Quran : *“Janganlah kamu mencampakkan diri kamu ke arah kecelakaan.”*

9) **Jauhi rumah dari sebarang ukiran seperti patung-patung kecuali mainan kanak-kanak.** Maksud hadith Nabi saw : *“Malaikat Rahmat tidak memasuki rumah yang terdapat anjing dan patung-patung ukiran”*

10) **Pisahkan antara lelaki dan wanita ketika melakukan ziarah ke rumah orang.** Ini kerana Islam melarang dari berlakunya percampuran dan pergaulan bebas.

Disesuaikan dari artikel 10 Tips Mengislahkan Rumahtangga, Majalah Muslimah Sept 98  
Susunan Rozita Md Rashid